

**KESEDIAAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM DI SELATAN  
THAILAND DALAM MELAKSANAKAN JAMINAN KUALITI PENDIDIKAN  
DARI ASPEK PELAJAR**

Sufean Hussin  
Muhammadsulhan Lamatha

**ABSTRACT**

*This article highlights the implementation of a quality assurance initiative by the government of Thailand for improving the quality of education at all levels of the education system, including the Private Islamic schools located mainly in the southern provinces of Thailand. Specifically, this article focuses on the preparatory measures taken by the Private Islamic schools in meeting the quality assurance standards from the students' development aspect as stipulated by the Ministry of Education of Thailand. The study sample comprised 393 committee members of the quality assurance taskforce from 120 Private Islamic schools. Using the survey method, the committee members were asked to assess and evaluate the degree of school readiness in fulfilling the Quality Standard of Students. In general, the study found that the degree of readiness of the Islamic schools was moderate and satisfactory even though this type of school faced far more numerous disadvantages as compared to government schools. In terms of relevance, Malaysian schools could adopt a similar quality assurance initiative to upgrade the quality of education.*

**PENGENALAN**

Kesediaan (readiness) bermakna keadaan di mana persiapan atau persediaan yang perlu dibuat oleh sesuatu organisasi untuk melaksanakan sesuatu tindakan, dan di dalam proses persediaan terse but terdapat perhitungan logistik yang terperinci tentang sumber-sumber, strategi-strategi serta kekangan-kekangan yang boleh menggagalkan sesuatu tindakan. Persediaan yang lengkap menandakan kesediaan yang tinggi, dan sebaliknya jika persediaan masih serba tidak mencukupi dan tidak teratur, maka kesediaan adalah rendah.

Dalam konteks pelaksanaan dasar jaminan kualiti pendidikan, kesediaan merujuk kepada skop dan tahap persediaan oleh kumpulan pelaksana dalam pelbagai aspek, khususnya aspek kewangan, perbekalan prasarana, teknologi, sumber tenaga manusia, kumpulan pemantau, dan latihan. Kajian yang dilaporkan oleh artikel ini memberi tumpuan kepada kesediaan sekolah-sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand, iaitu sekolah-sekolah yang dianggap terpinggir dan bermasalah dalam melaksanakan dasar jaminan kualiti pendidikan.

Sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand pada awalnya wujud sebagai sekolah pondok, tetapi pada tahun 1982 kerajaan Thailand telah menukar taraf mereka menjadi sebagai sekolah agama Islam swasta. Sekolah kategori ini majoritinya berada di empat wilayah Selatan Thailand: Pattani, Narathiwat, Yala dan Setul. Wilayah-wilayah tersebut merupakan wilayah kontroversi dan mendapat perhatian oleh Bangkok. Setakat ini sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand boleh dikategorikan kepada tiga jenis sekolah iaitu:


1. Sekolah agama Islam swasta Seksyen 15(1) yang mendapat subsidi daripada pihak kerajaan sepenuhnya. Sekolah jenis ini adalah sekolah yang berdaftar secara yayasan dan ia mempunyai kualiti prasarana dan kualiti pendidikan yang baik.
2. Sekolah agama Islam swasta Seksyen 15(1) yang mendapat subsidi sebahagian (60%). Sekolah jenis ini adalah sekolah yang tidak berdaftar secara yayasan tetapi menerima subsidi sebahagian (60%) disebabkan sekolah jenis ini mempunyai kualiti pendidikan yang baik.
3. Sekolah agama Islam swasta Seksyen 15(2) yang dapat subsidi minimum. Sekolah jenis ini adalah sekolah yang tidak berdaftar secara yayasan; lagi pun sekolah kategori ini tidak mempunyai prasarana yang baik.

Kualiti adalah konsep yang terbit dalam sektor industri tetapi kini diguna pakai dalam pelbagai sektor perkhidmatan, termasuk jabatan kerajaan dan sekolah. Konsep kawalan kualiti, pengurusan kualiti, dan kualiti produk dalam sektor industri mula diperkenalkan oleh Ronald A. Fisher pada tahun 1900, kemudian dikembangkan oleh Walter Shewhart pada tahun 1924, dan seterusnya dimajukan oleh W. Edwards Deming dalam tahun-tahun 1950-an di Jepun dan Amerika Syarikat (Lewis & Smith, 1994). Matlamat utama konsep kualiti ialah untuk menjamin kemajuan syarikat berdasarkan kepuasan hati pelanggan terhadap barangan dan perkhidmatan sesebuah syarikat. Kaoru Ishikawa (1988) telah mengembangkan idea kawalan kualiti kepada pengurusan kualiti menyeluruh (total quality management (TQM)). TQM adalah satu proses yang berterusan di dalam organisasi yang akhirnya boleh menjadi satu budaya organisasi atau satu pendekatan pembuatan (Berry, 1991; Sallis, 1993). Model TQM John S. Oakland (1996) menekankan empat aspek utama iaitu:

1. Komitmen pengurusan dan dasar kualiti iaitu 14 perkara oleh Deming.
2. Alat-alat TQM untuk kawalan kualiti seperti penggunaan carta, rajah, graf, statistik dan lain-lain.
3. Pembentukan kumpulan kerja iaitu konsep Juran, Crosby, dan lain-lain.
4. Sistem kualiti iaitu ISO 9000.


Model TQM Oakland (Rajah 1) telah dimajukan menurut masa, dan kini ada tiga jenis ISO iaitu ISO 9000, ISO 9001, dan ISO 9004 bagi bidang pengurusan. Walaupun ISO 9000 direka bentuk untuk sektor industri, justeru berasaskan prinsip dan tumpuan bagi memenuhi kehendak pelanggan, maka ia boleh diaplikasikan dalam pasaran pendidikan dan latihan (Freeman, 1993). Pada tahun 1995, ISO 9000 mula dipakai secara rasmi

dalam sektor pendidikan dan latihan (Liston, 1999). Beberapa amalan yang dilaksanakan dalam organisasi pendidikan pada masa ini merupakan sebahagian daripada elemen yang terkandung dalam keperluan syarat ISO 9000. Antaranya termasuklah kawalan proses, latihan, dan teknik-teknik statistik (Sufean Russin, 2000). Rajah 2 mempamerkan Struktur Pengurusan ISO9000:2000.



*Rajah 1.* Model TQM John S. Oakland

*Sumber:* John S. Oakland. (1996). Pengurusan Kualiti Menyeluruh, terjemahan Mohamad Salmi Mohd. Sohod, ms. 340. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka



Rajah 2. Struktur Pengurusan ISO 9000:2000

Sumber: Ubahsuai dari Secretariat of ISO/TC 176/SC 2. (2001). ISO 9000 Introduction and Support Package: Guidance on The Process Approach to Quality Management Systems. (ms. 2). London: BSI Standards

Pelaksanaan jaminan kualiti pendidikan di Thailand mula dilaksanakan pada tahun 1941 melalui peraturan pengiktirafan sekolah, khususnya bagi sektor pendidikan swasta. Kemudian peraturan ini dipinda pada tahun 1993 bagi memperkemas lagi prosedur penjaminan terhadap sekolah swasta di Thailand. Akta Pendidikan Negara 1999 Bahagian VI, Seksyen 49, mengenai jaminan kualiti pendidikan, menetapkan penubuhan Jabatan Pendidikan Negara dan Penilaian Kualiti (ONESQA) bagi melaksanakan jaminan kualiti pendidikan di setiap peringkat dan di semua jenis institusi pendidikan. Akta 1999 ini membatalkan peraturan Kementerian Pendidikan tahun 1993.

Sekolah agama Islam swasta di Thailand tidak terkecuali daripada jaminan kualiti pendidikan bagi memperolehi pensijilan jaminan kualiti pendidikan dari ONESQA seperti mana di sekolah-sekolah awam. Perkara tersebut telah pun ditetapkan dalam Akta Pendidikan Negara 1999 Seksyen 43. Sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand merupakan satu-satu institusi pendidikan yang menyumbang terhadap pengajian agama Islam akademik dan juga pengajian vokasional di Selatan Thailand.

### **Konsep**

Kualiti ialah isu lampau kerana para pendidik telah membincangkannya sejak zaman berzaman, iaitu dari sejak zaman Kung Fu- Tze hinggalah ke zaman Imam Al-Ghazali dan ke zaman John Dewey, Paulo Freire, dan Yusof Qardawi (Sufean Hussin, 2002). Konsep kualiti adalah sifat menyeluruh sesuatu produk, perkhidmatan, aktiviti, dan proses yang mempunyai kebagusan mengikut piawaian yang ditetapkan, dan ia dapat memuaskan hati pelanggan atau orang awam, oleh sebab perkara tersebut merupakan perkara yang mereka kehendaki dan dapat menyelesaikan masalah (Sufean Hussin, 2002; Oakland, 1996; Sallis, 1993; Nicholls, 1993).

Manakala kualiti pendidikan pula adalah ciri-ciri pengurusan yang boleh mencapai matlamat tiga aspek penting. Pertama, aspek piawaian pendidikan, di mana aspek ini adalah ciri-ciri pelajar yang dikehendaki melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan dalam kurikulum. Kedua, aspek objektif yang memberikan perkhidmatan pendidikan iaitu keberkesanan dalam proses dan pelaburan, dan ketiga, aspek kehendak penerima perkhidmatan pendidikan iaitu kepuasan penerima perkhidmatan pendidikan termasuk pelajar, ibu bapa, agensi-agensi yang terlibat dan masyarakat (Hoy, BayneJardine, & Wood, 1999; Burge & Tannock, 1992 dalam Cryer, 1993; Downey, Frase, & Peters, 1994).

Di samping itu, konsep jaminan kualiti pendidikan meliputi proses kawalan kualiti, pengauditan kualiti, dan penilaian kualiti bagi institusi pendidikan dengan berlandaskan panduan yang sistematik. Usaha tersebut bertujuan untuk mencapai pendidikan yang berkualiti dan ia dapat meyakinkan pelanggan termasuk pelajar, ibu bapa, agensi kerajaan dan masyarakat (Jabatan Timbalan Hal-Ehwal Universiti, Thailand, 1998; Doherty, 1994; Cryer, 1993).

### **TUJUAN, OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN**

Tujuan kajian ialah untuk meneliti tahap kesediaan sekolah-sekolah agama Islam swasta di empat wilayah di Selatan Thailand dalam melaksanakan dasar jaminan kualiti pendidikan dalam beberapa aspek piawaian pelajar. Sehubungan dengan tujuan ini, objektif kajian ialah untuk meninjau penilaian yang dibuat oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Jaminan Kualiti Pendidikan tentang tahap kesediaan sekolah-sekolah agama Islam swasta dalam meningkatkan kualiti pelajar dalam enam aspek piawaian berikut [*Sekadar peringatan, enam aspek piawaian itu di labelakan Piawaian 1, 2, 4, 5, 6, 7. Ini disebabkan Piawaian 3 ONESQA adalah mengenai syarat asas kurikulum di mana pelajar di semua sekolah mesti ikuti*]:

- i. Etika dan nilai (Piawaian 1).
- ii. Kebolehan berfikir (Piawaian 2).
- iii. Kemahiran mempelajari ilmu pengetahuan (Piawaian 4).
- iv. Kemahiran dalam kerjaya (Piawaian 5).
- v. Perangai dan kesihatan jiwa dan fizikal (Piawaian 6).
- vi. VI. Ciri estetika dan minat dalam muzik dan sukan (Piawaian 7).

Berlandaskan objektif kajian tersebut, maka soalan kajian ialah: Menurut penilaian AJK Jaminan Kualiti Pendidikan, apakah tahap kesediaan sekolah-sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand dalam melaksanakan jaminan kualiti pendidikan dalam enam aspek piawaian pelajar?

### **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini dijalankan dengan berasaskan model TQM Oakland (1996) yang dikembangkan oleh ONESQA kerajaan Thailand menurut piawaian dalam beberapa aspek pelajar. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan (survey) dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel kajian ini terdiri daripada 393 ahli jawatankuasa jaminan kualiti di 120 buah sekolah agama Islam swasta di empat wilayah (Pattani, Narathiwat, Yala dan Setul) di Selatan Thailand.

Item-item soal selidik telah dibina berdasarkan dokumen piawaian pendidikan dari aspek piawaian pelajar yang ditetapkan oleh ONESQA, termasuk dari segi fizikal, spiritual, intelektual dan pembangunan sosial. Soal selidik piawaian kualiti pelajar terbahagi kepada 6 aspek yang diterbitkan kepada 35 item soalan, iaitu seperti mana yang dijelaskan dalam Jadual 1. Setiap item mempunyai skala Likert lima poin, iaitu dari 1 (sangat tidak setuju) kepada 5 (sangat setuju). Berdasarkan kajian rintis, analisis data mendapati nilai Alpha Cronbach mengenai kebolehpercayaan instrumen kajian ialah 0.78, iaitu suatu aras yang munasabah.

Kajian ini juga meneliti kekangan dan masalah yang dihadapi oleh sekolah dalam memenuhi keperluan piawaian pelajar. Item-item soal selidik bahagian ini dibina berlandaskan piawaian pelajar yang ditetapkan oleh ONESQA dan rujukan mengenai status sekolah agama Islam swasta. Setiap item soal selidik pula mempunyai skala Likert lima poin, iaitu 1 (tiada langsung kekangan dan masalah) hingga 5 (terlalu banyak kekangan dan masalah).

Soal selidik kekangan dan masalah sekolah dalam pelaksanaan kualiti bagi aspek Piawaian Pelajar mempunyai satu bahagian yang diterbitkan kepada 9 item soalan, iaitu seperti mana yang dijelaskan dalam Jadual 2. Responden menuliskan nombor yang sesuai dengan sesuatu item. Data-data yang diperolehi daripada 393 orang responden (ahli jawatankuasa jaminan kualiti sekolah) telah dianalisis menggunakan kekerapan, peratus, dan min. Perkaitan antara beberapa variabel juga dianalisis, tetapi memandangkan ruangan terhad dalam artikel ini, maka rumusannya sahaja diberikan dalam perbincangan mengenai implikasi kajian.

## DAPATAN KAJIAN

Data-data yang diperolehi daripada soal selidik telah diproses menggunakan program analisis komputer SPSS Versi 7.5. Jadual 1 berikut menunjukkan keputusan kajian.

**Jadual 1.** Taburan Kekekapan dan Peratus Respon AJK Jaminan Kualiti Tentang Tahap Kesediaan Sekolah Dalam Melaksanakan Enam Aspek Piawaian Pelajar

	1 = Sangat Tidak Setuju	2 = Kurang Setuju	3 = Agak Setuju	4 = Setuju	5 = Sangat Setuju	
<hr/>						
Bil. Piawaian 1 (Aspek etika dan nilai)	1	2	3	4	5	Skor Min
1. Majoriti pelajar mengamalkan ibadat solat	- (0)	1.0% (4)	2.3% (9)	24.9% (98)	71.8% (282)	4.67
2. Majoriti pelajar berpuasa di bulan Ramadhan	- (0)	0.5% (2)	1.3% (5)	15.3% (60)	83.0% (326)	4.80
3. Majoriti pelajar berdisiplin dengan mematuhi peraturan sekolah	0.5% (2)	2.0% (8)	20.6% (81)	57.8% (227)	19.1% (75)	3.92
4. Majoriti pelajar menghormati guru dan rakan-rakan	0.8% (3)	2.0% (8)	29.3% (115)	54.2% (213)	13.7% (54)	3.78
5. Majoriti pelajar melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan	0.3% (1)	3.1% (12)	34.1% (134)	50.6% (199)	12.0% (47)	3.70
6. Majoriti pelajar bersifat ramah tamah terhadap guru-guru dan rakan di sekolah	0.3% (1)	2.0% (8)	26.5% (104)	58.3% (229)	13.0% (51)	3.81
7. Majoriti pelajar menyertai aktiviti-aktiviti sukarela	2.3% (9)	19.6% (77)	36.1% (142)	29.3% (115)	12.7% (50)	3.30
8. Majoriti pelajar menggunakan sumber dengan cermat dan berfaedah	1.0% (4)	9.9% (39)	38.9% (153)	39.4% (155)	10.7% (42)	3.48
<hr/>						
Bil. Piawaian 2 (Aspek kebolehan berfikir)						
9. Majoriti pelajar mengenal pasti jenis maklumat yang dipelajari	0.8% (3)	19.1% (75)	36.6% (144)	38.2% (150)	5.3% (21)	3.28
10. Majoriti pelajar mampu menganalisis kekuatan dan kelemahan maklumat	0.5% (2)	7.6% (30)	45.8% (180)	40.5% (159)	5.6% (22)	3.43
11. Majoriti pelajar boleh menjawab soalan yang diberi oleh guru	- (0)	4.6% (18)	34.1% (134)	55.7% (219)	5.6% (22)	3.62
12. Majoriti pelajar boleh menyelesaikan masalah dengan baik	1.3% (5)	12.0% (47)	50.1% (197)	29.5% (116)	7.1% (28)	3.29
13. Majoriti pelajar boleh membuat keputusan	0.8% (3)	10.2% (40)	50.1% (197)	33.1% (130)	5.9% (23)	3.33

14. Majoriti pelajar berfikir secara kreatif dan inovatif	0.3% (1)	13.0% (51)	40.5% (159)	38.4% (151)	7.9% (31)	3.40
15. Majoriti pelajar dapat menetapkan matlamat dirinya	2.8% (11)	16.5% (65)	48.1% (189)	25.4% (100)	7.1% (28)	3.17

---

Bil. Piawaian 4 (Aspek kemahiran mempelajari ilmu pengetahuan)

---

16. Majoriti pelajar berminat dalam mempelajari ilmu pengetahuan dari pelbagai sumber	0.3% (1)	13.2% (52)	38.4% (151)	38.2% (150)	9.9% (39)	3.44
17. Majoriti pelajar boleh membentuk soalan-soalan dalam mata pelajaran yang mereka pelajari	1.0% (4)	10.4% (41)	47.8% (188)	35.6% (140)	5.1% (20)	3.33
18. Majoriti pelajar mengamalkan budaya membaca	6.9% (27)	24.7% (97)	35.4% (139)	26.5% (104)	6.6% (26)	3.01
19. Majoriti pelajar pandai menggunakan perpustakaan dan sumber pengetahuan lain	1.8% (7)	19.8% (78)	31.6% (124)	33.1% (130)	13.7% (54)	3.37
20. Majoriti pelajar dapat menyimpulkan perkara penting daripada pelajaran mereka	0.3% (1)	14.8% (58)	50.6% (199)	29.5% (116)	4.8% (19)	3.23
21. Majoriti pelajar dapat menyimpulkan perkara penting daripada pengalaman mereka	- (0)	12.5% (49)	48.9% (192)	34.1% (134)	4.6% (18)	3.30

---

Bil. Piawaian 5 (Aspek kemahiran dalam kerjaya)

---

22. Majoriti pelajar berupaya bekerja mengikut prosedur yang ditetapkan oleh guru	0.5% (2)	5.6% (22)	49.6% (195)	36.4% (143)	7.9% (31)	3.45
23. Majoriti pelajar berbudaya rajin dalam melaksanakan tugas	0.8% (3)	14.5% (57)	39.4% (155)	38.9% (153)	6.4% (25)	3.35
24. Majoriti pelajar menambahbaikkan kerja yang dipertanggungjawabkan	3.6% (21)	20.6% (103)	44.3% (173)	26.2% (81)	5.3% (14)	3.09
25. Majoriti pelajar melaksanakan tugas dengan ceria dan bangga dengan hasil kerjanya	0.3% (1)	5.3% (21)	33.3% (131)	49.4% (194)	11.7% (46)	3.66
26. Majoriti pelajar mampu melaksanakan tugas secara berpasukan	0.8% (3)	12.7% (50)	40.7% (160)	34.6% (136)	11.2% (44)	3.42
27. Majoriti pelajar mempunyai sikap positif terhadap kerjaya mereka	2.5% (10)	10.9% (43)	22.9% (90)	50.1% (197)	13.5% (58)	3.61

---

Bil. Piawaian 6 (Aspek perangai dan kesihatan jiwa dan fizikal)

---

28. Majoriti pelajar mempunyai kesihatan yang baik	0.3% (1)	1.8% (7)	6.6% (26)	50.9% (200)	40.5% (159)	4.29
29. Majoriti pelajar bersifat ceria	- (0)	2.8% (11)	12.0% (47)	55.2% (217)	30.0% (118)	4.12

30. Majoriti pelajar selalu menjaga kesihatan dan berhati-hati agar tidak menghadapi kemalangan	0.3% (1)	4.6% (18)	19.1% (74)	57.3% (225)	18.8% (74)	3.89
31. Majoriti pelajar mengetahui dan memahami tentang bahaya dadah dan alkohol	6.4% (25)	17.0% (67)	21.6% (85)	39.4% (155)	15.5% (61)	3.40
32. Majoriti pelajar tidak meminum dan memakan benda yang boleh memabukkan	3.3% (13)	6.6% (26)	8.7% (34)	29.5% (116)	51.7% (203)	4.19
<b>Bil. Piawaian 7 (Aspek ciri estetika dan minat dalam musik dan sukan)</b>						
33. Majoriti pelajar berminat dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti seni lukisan	1.3% (5)	7.9% (31)	24.7% (96)	44.8% (176)	21.4% (84)	3.77
34. Majoriti pelajar berminat dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti nasyid	1.8% (7)	7.9% (31)	35.1% (137)	37.9% (149)	17.3% (68)	3.61
35. Majoriti pelajar berminat dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti sukan	0.5% (2)	0.5% (2)	4.8% (19)	30.5% (120)	63.6% (250)	4.56

Berdasarkan Jadual 1, dapatan utama kajian dalam aspek piawaian kualiti pelajar adalah seperti berikut:

- i. Aspek Piawaian 1 merangkumi etika, akhlak dan nilai yang dikehendaki terhadap pelajar mengikut keutamaan persetujuan responden. Kebanyakan responden bersetuju bahawa majoriti pelajar di sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand berpuasa dibulan Ramadhan (98.3% setuju), mengamalkan ibadat solat (96.7% setuju), mematuhi peraturan sekolah (76.9% setuju), bersifat ramah tamah terhadap guru-guru dan rakan-rakan di sekolah (71.3% setuju), menghormati guru dan rakan-rakan (67.9% setuju), dan melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan (62.6% setuju). Ini bermakna tahap kesediaan kualiti sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand adalah memuaskan dan baik dalam melaksanakan Aspek Piawaian 1. Sebahagian lain responden pula agak setuju bahawa majoriti pelajar menyertai aktiviti-aktiviti sukarela (36.1%) dan menggunakan sumber dengan cermat dan berfaedah (38.9%). Ini bermakna tahap kesediaan kualiti sekolah-sekolah adalah sederhana memuaskan mengenai aktiviti-aktiviti sukarela murid dan penggunaan sumber-sumber pembelajaran.
- ii. Aspek Piawaian 2 adalah mengenai kebolehan majoriti pelajar untuk berfikir dalam bentuk analisis, sentesis, pertimbangan, kreatif, meditasi dan wawasan mengikut keutamaan persetujuan responden. Kebanyakan responden bersetuju bahawa majoriti pelajar di sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand boleh menjawab soalan yang diberi oleh guru (61.3% setuju). Namun sebahagian lain responden agak bersetuju bahawa pelajar-pelajar di sekolah-sekolah agama Islam boleh berfikir secara kreatif dan inovatif (40.5%), mampu menganalisis kekuatan dan kelemahan maklumat (45.8%), dan mengenal pastijenis maklumat yang dipelajari (36.6%).

Kebanyakan responden pula agak setuju bahawa majoriti pelajar di sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand boleh menyelesaikan masalah dengan baik (50.1 %), boleh membuat keputusan (50.1 %), dan dapat menetapkan matlamat dirinya (48.1 %). Ini bermakna tahap kesediaan kualiti sekolah-sekolah dalam aspek ini adalah sederhana memuaskan. Ini juga bermakna bahawa sekolah-sekolah

agama swasta tersebut perlu meningkatkan prestasi pelajar dalam perkara-perkara di bawah Aspek Piawaian 2.

- iii. Aspek Piawaian 4 adalah mengenai kemahiran majoriti pelajar dalam memperoleh pengetahuan oleh diri sendiri, minat mempelajari dan memperbaiki diri secara berterusan mengikut keutamaan persetujuan responden. Sebahagian responden bersetuju bahawa majoriti pelajar di sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand berminat dalam mempelajari ilmu pengetahuan dari pelbagai sumber (48.1 % setuju), dan pelajar pandai menggunakan perpustakaan dan sumber pengetahuan lain (46.8% setuju). Ini bererti tahap kesediaan kualiti sekolah-sekolah adalah memuaskan dalam aspek tersebut dan wajar dipertingkatkan lagi.

Sementara itu, sebahagian responden pula agak setuju bahawa majoriti pelajar di sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand dapat membuat kesimpulan pelajaran mereka (50.1%), merumuskan pengalaman mereka (48.9%), boleh membentuk soalan-soalan (47.8%), dan mengamalkan budaya membaca (35.4%). Ini bermakna tahap kesediaan kualiti sekolah-sekolah dalam melaksanakan aspek ini adalah sederhana memuaskan. Secara amnya, dapatan-dapatan ini juga membayangkan bahawa sekolah-sekolah agama Islam di Selatan Thailand perlu memperbaiki kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam Aspek Piawaian 4.

- iv. Aspek Piawaian 5 adalah mengenai kemahiran majoriti pelajar dalam kerjaya, minat bekerja, kerja bersama orang lain dan sikap mereka terhadap kerja yang halal mengikut keutamaan persetujuan responden. Sebahagian responden bersetuju bahawa majoriti pelajar di sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand bersikap positif terhadap kerjaya mereka (63.6% setuju), boleh melaksanakan tugas dengan ceria dan bangga dengan hasil kerjanya (61.1% setuju), mampu melaksanakan tugas secara berpasukan (45.8% setuju), dan berbudaya rajin dalam melaksanakan tugas (45.3% setuju). Ini bermakna tahap kesediaan kualiti sekolah-sekolah adalah memuaskan dan baik dalam perkara-perkara tersebut.

Selanjutnya, sebahagian lain responden pula agak setuju bahawa majoriti pelajar di sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand berupaya bekerja mengikut prosedur yang ditetapkan oleh guru (49.6%) dan menambahbaikkan kerja yang dipertanggungjawabkan (44.3%). Ini bermakna kesediaan sekolah-sekolah dalam melaksanakan perkara-perkara tersebut adalah sederhana memuaskan. Usaha-usaha yang lebih baik lagi perlu dijalankan oleh sekolah-sekolah agama bagi mencapai tahap kualiti yang lebih tinggi lagi dalam Aspek Piawaian 5.

- v. Aspek Piawaian 6 adalah mengenai perangai, kesihatan fizikal dan kesihatan jiwa pelajar mengikut keutamaan persetujuan responden. Kebanyakan responden bersetuju bahawa majoriti pelajar di sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand mempunyai kesihatan yang baik (91.4% setuju), bersifat ceria (85.2% setuju), selalu menjaga kesihatan (76.1 % setuju), berhati-hati agar tidak menghadapi kemalangan (76.1% setuju), tidak meminum dan memakan benda yang memabukkan (81.2% setuju), mengetahui dan memahami tentang bahaya dadah dan alkohol (54.9% setuju). Ini bermakna bahawa secara amnya tahap kesediaan kualiti sekolah-sekolah adalah memuaskan dalam melaksanakan Aspek Piawaian 6.

- vi. Aspek Piawaian 7 adalah mengenai ciri estetika dan sifat menghargai seni muzik dan sukan yang wujud di kalangan pelajar mengikut keutamaan persetujuan responden. Kebanyakan responden bersetuju bahawa majoriti pelajar di sekolah agama Islam

swasta di Selatan Thailand berminat dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti sukan (94.1 % setuju), berminat dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti seni lukisan (66.2% setuju) dan berminat juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti nasyid (55.2% setuju). Ini bermakna tahap kesediaan kualiti sekolah-sekolah adalah memuaskan dan baik dalam melaksanakan Aspek Piawaian 7.

Adalah satu perkara lumrah bahawa sesuatu perubahan semestinya diiringi dengan pelbagai masalah, sarna ada dari segi prasarana, sumber ataupun sikap manusia. Begitulah juga halnya dengan program jaminan kualiti pendidikan. Jadual2 berikut menunjukkan jenis-jenis dan tahap-tahap masalah dan kekangan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah agama Islam di Selatan Thailand dalam usaha mempertingkatkan kualiti pelajar.

**Jadual 2.** Taburan Peratus Kekurangan Masalah dan Kekangan Dalam Melaksanakan Piawaian Pelajar

- 1 = Tiada Langsung Kekangan dan Masalah.
- 2 = Sedikit Kekangan dan Masalah
- 3 = Mempunyai Kekangan dan Masalah Pada Tahap Sederhana.
- 4 = Mempunyai Banyak Kekangan dan Banyak Masalah.
- 5 = Terlalu Banyak Kekangan dan Banyak Masalah

Bil. Kekangan / Masalah Piawaian Pelajar	1	2	3	4	5	Min
36. Majoriti daripada pelajar mempunyai pencapaian akademik yang rendah dari purata pencapaian akademik negara.	7.6% (30)	20.6% (81)	43.5% (171)	24.9% (98)	3.3% (13)	2.95
37. Majoriti daripada pelajar tidak mengambil berat tentang pencapaian dalam mata pelajaran	9.4% (37)	24.9% (98)	40.7% (160)	21.4% (84)	3.6% (14)	2.84
38. Majoriti daripada pelajar tidak membuat permohonan peperiksaan ulangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh sekolah	9.4% (37)	23.9% (94)	34.9% (137)	25.7% (101)	6.1% (24)	2.95
39. Majoriti pelajar di sekolah mempunyai latar belakang sosio ekonomi yang berbeza	4.3% (17)	26.5% (104)	30.0% (118)	30.0% (118)	9.2% (36)	3.13
40. Sistem kawalan disiplin pelajar sukar dilaksanakan dengan berkesan	6.6% (26)	32.1% (126)	33.3% (131)	22.9% (90)	5.1% (20)	2.87
41. Sekolah tidak mencukupi peruntukan untuk mengendalikan aktiviti pelajar	7.4% (29)	20.1% (79)	24.4% (96)	29.8% (117)	18.3% (72)	3.31
42. Sekolah tidak mempunyai masa untuk melaksanakan aktiviti pelajar kerana pelajar mesti mengikuti aliran agama selain daripada aliran akademik	7.1% (28)	32.6% (128)	28.8% (113)	21.4% (84)	10.2% (40)	2.94
43. Komunikasi di antara pentadbir, guru, pelajar dan komuniti dalam mengadakan aktiviti pelajar tidak begitu berkesan	9.4% (37)	34.9% (137)	28.0% (110)	18.1% (71)	9.7% (38)	2.83
44. Penilaian terhadap aktiviti pelajar tidak dilaksanakan dengan metodologi yang sistematik	7.4% (29)	29.3% (115)	36.6% (144)	19.1% (75)	7.6% (30)	2.90

Berdasarkan Jadual 2, kajian mendapati bahawa kekangan dan masalah dalam aspek piawaian pelajar adalah seperti berikut:

- i. Sebahagian responden (48.1 %) menyatakan sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand mempunyai banyak kekangan dan banyak masalah tentang kekurangan peruntukan kewangan untuk mengendalikan aktiviti pelajar. Ini bermakna bahawa tahap kesediaan kualiti sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand adalah tidak memuaskan dalam perkara ini disebabkan peruntukan kewangan yang tidak mencukupi. Justeru itu, pihak kerajaan wajar sekali menambahkan peruntukan kewangan ke sekolah-sekolah agama Islam di Selatan Thailand.
- ii. Sebahagian responden juga menyatakan sekolah mereka mempunyai kekangan dan masalah pada tahap sederhana tentang beberapa perkara: (a) terdapat majoriti daripada pelajar mempunyai pencapaian akademik yang rendah berbanding dengan purata pencapaian akademik negara (43.5% respon); (b) majoriti daripada pelajar tidak mengambil berat tentang pencapaian dalam mata pelajaran (40.7% respon), dan (c) majoriti pelajar tidak membuat permohonan peperiksaan ulangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh sekolah (34.9% respon). Ini bermakna tahap kesediaan kualiti sekolah-sekolah adalah sederhana memuaskan dalam tiga perkara tersebut disebabkan oleh kekangan-kekangan tertentu terhadap sekolah-sekolah agama Islam.
- iii. Kebanyakan responden menyatakan di sekolah mereka tidak mempunyai kekangan dan masalah tentang: (a) komunikasi di antara pentadbir, guru, pelajar dan komuniti dalam mengadakan aktiviti pelajar tidak begitu berkesan (44.3% respon); (b) sekolah tidak mempunyai mas a untuk melaksanakan aktiviti pelajar kerana pelajar mesti mengikuti aliran agama selain daripada aliran akademik (39.7%); (c) penilaian terhadap aktiviti pelajar tidak dilaksanakan dengan metodologi yang sistematik (36.7%); dan (d) sistem kawalan disiplin pelajar sukar dilaksanakan dengan berkesan (38.7%). Ini bermakna tahap kesediaan kualiti sekolah-sekolah adalah memuaskan atau baik dalam empat perkara tersebut.

### **IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian ini telah menunjukkan taraf kesihatan fizikal dan kesihatan jiwa pelajar merupakan perkara yang paling menonjol berbanding dengan perkara lain. Keputusan di atas membuktikan bahawa pada persepsi AJK jaminan kualiti, pelajar-pelajar di sekolah agama Islam di Selatan Thailand selalu menjaga kesihatan, mereka berhati-hati agar tidak menghadapi kemalangan, dan mereka mengetahui dan memahami tentang bahaya dadah dan alkohol. Dengan itu, dapatan kajian juga menunjukkan kesihatan mereka pun adalah baik dan mereka bersifat ceria.

Keputusan di atas sejajar dengan hasil kajian oleh Pitsamai (1999) yang mendapati majoriti pelajar yang terbabit di sekolah menengah wilayah Khonkaen mempunyai kesihatan jiwa dan fizikal yang baik. Selain itu, hasil kajian beliau telah membuktikan bahawa kesihatan fizikal dan jiwa yang kurang baik akan memberi kesan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar. Di samping itu, kajian Panudda (2001) telah mendapati bahawa pelajar yang mempunyai kesihatan yang baik

akan mempunyai kebolehan dalam pengajian lebih cepat jika dibandingkan dengan pelajar yang mempunyai kesihatan yang bertahap rendah. Manakala Jirasak (1998) juga mendapati melalui kajiannya bahawa majoriti pelajar di sekolah menengah di wilayah Kamphengphet mempunyai kesihatan jiwa yang baik dan terdapat perbezaan signifikan antara variabeljantina, dapatan ibu bapa dan pre stasi (CGPA) pelajar.

Dapatan kajian ini menunjukkan wujudnya di kalangan pelajar etika, akhlak dan nilai yang dikehendaki. Berasaskan keputusan kajian, pada persepsi AJKjaminan kualiti, pelajar di sekolah agama Islam swasta mengamalkan ibadat solat dan berpuasa di bulan Ramadhan. Ini menunjukkan mereka mematuhi rukun as as agama Islam.

Selain itu, kajian ini mendapati pelajar-pelajar berdisiplin dengan mematuhi peraturan sekolah, dan mereka beramah-tamah dan menghormati guru-guru dan rakan-rakan di sekolah. Dapatan ini juga sejajar dengan hasil kajian Bahagian Polisi dan Pelan, Jawatankuasa Pendidikan Swasta (1999) yang menunjukkan pelajar di sekolah agama Islam swasta dan sekolah wakaf beramal ibadat as as agama dan mematuhi peraturan sekolah pada tahap yang tinggi

Lantaran itu, daripada analisis khi -kuasa dua, keputusan kajian ini juga menunjukkan bahawajika pelajar mengamalkan ibadat solat, maka merekajuga mengamalkan puasa di bulan Ramadhan, berdisiplin dengan mematuhi peraturan sekolah, bersifat hormat dan ramah tamah terhadap guru-guru dan rakan-rakan, mengetahui tentang bahaya dadah dan alkohol, dan tidak meminum dan memakan benda yang boleh memabukkan. Ini bermakna jika amalan keagamaan tinggi, maka sikap atau tingkah laku lain pun adalah baik. Dapatan ini juga berkait dengan firman Allah s.w.t. yang bermaksud "Dirikanlah solat kerana sesungguhnya solat dapat menghalangkan manusia dari kekejian dan kemunkaran" (AlAnkabut: 45) dan firman Allah s.w.t. yang bermaksud "puasa itu terpelihara daripada kejahatan" (Al-Baqarah: 183).

Seterusnya, keputusan kajian telah menunjukkan wujudnya di kalangan pelajar sifat menghargai estetika dan sifat menghargai seni muzik dan sukan. Keputusan ini membuktikan bahawa pada persepsi AJK jaminan kualiti pelajar di sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand berminat dan terlibat dalam aktiviti seni lukisan. Berasaskan pengalaman dan pemerhatian pengkaji, terdapat aktiviti yang menggalakkan pelajar menghargai seni lukisan Islam dengan mengadakan pertandingan khat Islam dalam majlis tahun baru dan majlis lain-lainnya,

Dari aspek seni muzik, keputusan kajian ini menunjukkan pelajar berminat dan terlibat dalam aktiviti nasyid. Berasaskan pengalaman dan pemerhatian pengkaji, aktiviti nasyid digalakkan oleh pihak sekolah dengan mengadakan pertandingan nasyid di sekolah. Selain itu, terdapat juga pelajar menyertai program menghayati budaya Islam anjuran persatuan pelajar Islam universiti awam tempatan. Dalam aspek aktiviti sukan pula, keputusan kajian membuktikan pelajar berminat dan terlibat dalam aktiviti tersebut. Keputusan ini disokong oleh hasil kajian Chana Perumperasit (1990). Beliau mendapati bahawa majoriti pelajar sekolah menengah di Selatan Thailand dan di Bangkok mempunyai persepsi bahawa pentadbir sekolah sangat memberi galakan dan sokongan dalam mata pelajaran sukan dan mereka mencadangkan bahawa pihak sekolah perlu memberi tempoh yang lama dalam mata pelajaran ini. Selain itu, mereka bersetuju dengan program sukan di dalam dan di luar sekolah. Hasil kajian Prayong Khumprakhon (1999) juga mendapati bahawa minat pelajar dalam program sukan di sekolah menengah wilayah Nakhon Si Thammarat berada pada tahap yang tinggi.

Kajian ini juga mendapati AJK jaminan kualiti memberikan skor amat baik kepada aspek pelaksanaan tugas yang dipertanggungjawabkan ke atas pelajar dan cara sekolah menggunakan sumber dengan cermat dan berfaedah. Namun demikian, mereka memberikan skor rendah (kurang setuju) tentang aspek penyertaan pelajar dalam aktiviti-aktiviti sukarela. Ini disebabkan pihak sekolah kurang mengadakan ceramah motivasi untuk pelajar bagi menyertai aktiviti-aktiviti sekolah, dan beban pelajar dalam mata pelajaran tambahan yang diwajibkan oleh sekolah terlalu banyak. Sekiranya keadaan ini terus berlaku ianya akan memberi kesan negatif dalam usaha memperolehi pensijilan jaminan kualiti pendidikan. Dengan itu, tindakan yang perlu diambil oleh sekolah adalah memberi motivasi terhadap pelajar dan mengadakan kegiatan yang lebih menarik seperti aktiviti sukarela di kawasan lain, bukan hanya aktiviti membersihkan masjid dan kawasan perkuburan sahaja.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pada persepsi AJK jaminan kualiti pelajar di sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand boleh menjawab soalan yang diberi oleh guru, boleh berfikir secara kreatif dan inovatif, mampu menganalisis kekuatan dan kelemahan maklumat, dan mampu mengenal pasti jenis maklumat yang dipelajari dengan baik. Dapatan ini berbeza dengan hasil kajian Niramon Pongsettasunt (1999) yang mana beliau mendapati pemikiran berbentuk pertimbangan dan kritis di kalangan pelajar sekolah menengah wilayah Khonkaen berada pada tahap sederhana.

Kajian beliau juga menunjukkan jika pelajar mempunyai pencapaian akademik tinggi, maka mereka juga mempunyai pemikiran pertimbangan dan kritis yang tinggi dan sebaliknya pelajar yang mempunyai pencapaian yang rendah. Manakala pembolehubah jantina, kelas pengajian dan latar belakang asuhan dan didikan ibu bapa tidak membezakan dapatan kajian.

Walaupun ciri-ciri di atas sukar diukurkan, namun ia dapat diwujudkan menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang diadakan oleh pihak sekolah. Lantaran itu, beberapa kajian telah menunjukkan bahawa melalui latihan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat mewujudkan pemikiran-pemikiran yang dikehendaki. Antaranya, kajian Rapin Krammee (2001) yang menunjukkan bahawa pelajar yang mengikuti pengajian sosial yang diajar dengan pendekatan konstruktivisme dengan pelajar yang diajar melalui pendekatan biasa mempunyai pencapaian markah dan kebolehan untuk berfikir berbentuk pertimbangan dan analisis yang sangat berbeza. Beliau menambah lagi bahawa ini bermakna pelajar yang diajar dengan pendekatan konstruktivisme lebih cemerlang jika dibandingkan dengan pelajar yang diajar dengan pendekatan biasa.

Di samping itu, kajian Arunee Ratanawijit (2000) mendapati bahawa kumpulan pelajar yang dilatih untuk berfikir analisis mempunyai taraf pemikiran berbentuk tersebut lebih tinggi jika dibandingkan dengan kumpulan pelajar yang tidak terlatih. Dengan itu, beliau berpendapat bahawa latihan untuk berfikir dalam bentuk analisis dan pertimbangan dapat meningkatkan lagi kebolehan pelajar.

Hasil kajian di atas diperkukuhkan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Nantatiya Sunsem (1998). Beliau mendapati bahawa pelajar yang diajar dengan pengajaran dan pembelajaran untuk pembangunan berfikir secara pertimbangan mempunyai kebolehan dan pencapaian akademik lebih tinggi daripada pelajar yang diajar dengan pengajaran dan pembelajaran biasa.

Ahli Jawatankuasa jaminan kualiti pendidikan juga mempunyai keraguan (kurang setuju) bahawa pelajar sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand boleh

menyelesaikan masalah dengan baik, membuat keputusan dan dapat menetapkan matlamat dirinya. Ini bermakna pihak sekolah perlu memperkemas lagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan lagi perkara tersebut.

Keputusan kajian ini juga menunjukkan bahawa pada persepsi AJK jaminan kualiti, para pelajar di sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand berminat dalam mempelajari ilmu pengetahuan dari pelbagai sumber dan mereka juga pandai menggunakan perpustakaan dan sumber lain.

Selanjutnya, AJK jaminan kualiti ragu-ragu (kurang bersetuju) bahawa para pelajar mengamalkan budaya membaca. Dengan itu, galakan pihak sekolah untuk mewujudkan aspek ini amat diperlukan. Seperti mana hasil kajian Sumchai Phutabincapoch (1985) yang menunjukkan bahawa jika pelajar digalakkan membaca, maka minat membaca dan kekerapan menggunakan perpustakaan pun meningkat berbanding dengan pelajar yang tidak diberi galakan tersebut.

Di samping itu, AJK jaminan kualiti juga mempunyai keraguan (kurang bersetuju) bahawa pelajar boleh menyimpulkan perkara-perkara penting daripada pelajaran dan pengalaman mereka. Ahli jawatankuasa jaminan kualiti juga meragui kebolehan pelajar dalam membuat soalan dalam mata pelajaran yang dipelajari. Ini mungkin berpunca daripada majoriti pelajar tidak hadir pengajian tambahan yang disediakan oleh sekolah. Dengan demikian, satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dapat melatih dan menarik minat pelajar untuk mewujudkan perkara tersebut perlu disediakan oleh sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand.

Kajian ini menunjukkan sekolah-sekolah agama mempunyai kekangan dan masalah yang sederhana mengenai majoriti pelajar mempunyai pencapaian akademik yang rendah daripada purata pencapaian akademik negara. Selain itu, pelajar juga tidak mengambil berat tentang pencapaian dalam mata pelajaran dan mereka tidak memohon peperiksaan ulangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh sekolah.

Beberapa kekangan dan masalah di atas dapat dibukti lagi oleh beberapa kajian lain. Antaranya, kajian Manoon Daramit (1982), Ubunrat dan Noree (1988) dan Pannee dan kumpulan (1989) dan Bahagian Polisi dan Pelan, Jabatan Jawatankuasa Pendidikan Swasta (1999). Hasil kajian mereka dapat dirumuskan bahawa pelajar di sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand mempunyai pencapaian akademik dalam mata pelajaran bahasa Thai, matematik dan sains yang rendah daripada purata pencapaian akademik negara. Di samping itu, keputusan kajian ini juga menunjukkan jika sekolah masih mengalami kekangan dan masalah pencapaian akademik pelajar yang rendah daripada purata pencapaian akademik negara, maka taraf prestasi sekolah pun kurang baik.

Keputusan kajian ini juga menunjukkan AJK jaminan kualiti bersetuju bahawa para pelajar di sekolah agama Islam mempunyai sikap positif terhadap kerjaya yang halal. Kenyataan ini dapat meyakinkan lagi bahawa sekolah kategori ini dapat mengisikan nilai-nilai atau sikap Islam terhadap kerja mereka apabila mereka menamatkan pengajian. Di samping itu, keputusan kajian ini telah menunjukkan pelajar juga berbudaya rajin dan ceria dalam melaksanakan tugas serta bangga dengan hasil kerja mereka. Lagi pun pelajar juga mampu melaksanakan tugas secara berpasukan. Melalui analisis khi-kuasa dua, kajian ini mendapati bahawa jika pelajar rajin dalam melaksanakan tugas, maka minat pelajar untuk mempelajari ilmu pengetahuan dari pelbagai sumber adalah tinggi. Secara amnya kajian ini mendapati bahawa kesediaan sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand melaksanakan perkara-perkara dalam aspek piawaian pelajar adalah

memuaskan, dan terdapat sedikit kekangan dan masalah dalam proses jaminan kualiti. Justeru itu, kerajaan Thailand wajar sekali membantu sekolah-sekolah agama dari segi kewangan khususnya agar kualiti pendidikan di sekolah-sekolah demikian tidak terjejas.

## PENUTUP

Kajian ini telah memberi tumpuan kepada usaha-usaha sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand dalam proses peningkatan kualiti pendidikan. Pada awalnya dijangkakan bahawa sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand akan menghadapi masalah serius dalam proses persediaan untuk memperolehi pensijilan jaminan kualiti dari ONESQA. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa sekolah-sekolah agama Islam swasta masih mengalami isu lama di kalangan pentadbir sekolah iaitu peruntukan dan infrastruktur yang terhad. Masalah sedemikian memberi kesan terhadap usaha peningkatan kualiti sekolah khususnya dalam usaha mewujudkan ciri-ciri pelajar mengikut kehendak Akta Pendidikan Negara 1999.

Bagaimanapun, keputusan kajian telah membuktikan bahawa masalah yang dihadapi oleh sekolah berpunca daripada perbezaan jumlah subsidi yang diberi oleh kerajaan Thailand. Dengan itu, dicadangkan agar pihak kerajaan pusat memberi subsidi yang sarna kepada semua sekolah agama Islam swasta di Thailand. Sekiranya tindakan sedemikian tidak dilaksanakan, maka ia akan menjejaskan kegiatan persediaan jaminan kualiti yang dikehendaki oleh Akta Pendidikan Negara 1999.

Kajian ini telah berteraskan piawaian dari aspek pelajar ONESQA yang diperkukuhkan dengan model TQM Oakland (1996). Berlandaskan keputusan kajian ini piawaian ONESQA dan model TQM Oakland adalah sangat sesuai digunakan untuk proses jaminan kualiti pendidikan.

Di samping itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan sekolah agama Islam swasta di Selatan Thailand mempunyai kesediaan jaminan kualiti yang memuaskan dan baik dalam aspek pelajar. Ini bermakna sekolah-sekolah berkenaan memberi sambutan yang baik terhadap polisi kualiti kerajaan. Ini mungkin didorongi oleh harapan bahawa jika pensijilan jaminan kualiti diperolehi, maka pihak kerajaan akan memberi subsidi sepenuhnya kepada sekolah-sekolah agama swasta.

## RUJUKAN

- Arunee Ratanawijit. (2000). *The effect of critical thinking training on matayomsuksa I students, Tanangnaew Wittayayon School, Waengnoi District, Khon Khen Province*. Tesis M. A. tidak diterbitkan, Khonkaen University, Khonkaen.
- Berry, T. H. (1991). *Managing the total quality transformation*. New York: McGraw Hill.
- Chana Perumperasit. (1990). *Pengajaran dan pembelajaran sains sukan peringkat menengah atas di daerah 2, 3, 4, 5 dan Bangkok*. [Laporan Kajian]. Bangkok: Bahagian Galakan Sukan dan Kesihatan, Jabatan Sukan Thailand.
- Cryer, P. (1993). *Preparing for quality assessment and audit: Establishing a quality assurance system in higher education*. Sheffield, UK: CVCP Publication
- Doherty, G. D. (1994). *Developing quality systems in education*. London: Routledge.
- Downey, C. J, Frase, I. E., & Peters, J. I. (1994). *The quality education challenge*. Thousand Oaks, CA: Corwin.

- Freeman, R. (1993). *Quality assurance in training and education: How to apply BS5750 (ISO 9000) standard*. London: Kogan Page.
- Hoy, C., Bayne-Jardine, C., & Wood, M. (1999). *Improving quality in education*. London: Falmer.
- International Organization for Standardization(ISO).(2000).*ISO9000:Quality management system -fundamentals and vocabulary*. (2nded.). Geneva: ISO.
- International Organization for Standardization(ISO).(2000).*ISO9001:Quality management system - requirement*. (3rded.). Geneva: ISO.
- International Organization for Standardization ISO).(2000).*ISO9004: Quality management system - guidelines for performance improvements*. (2nd ed.). Geneva: ISO.
- Ishikawa, K. (1988). *Kawalan mutu menyeluruh gaya Jepun* (Terjemahan Rashid Azad Khan). Kuala Lumpur: DBP. (Cetakan asal tahun 1981).
- Jabatan Piawaian Pendidikan Negara dan Penilaian Kualiti (ONESQA). (2001). *Jabatan piawaian pendidikan negara dan penilaian kualiti*. Dimuat turun pada 20 April 2001 daripada <http://www.onesqa.or.co.th>.
- Jabatan Piawaian Pendidikan Negara dan Penilaian Kualiti (ONESQA). (2001). *Dikri diraja jabatan piawian pendidikan negara dan penilaian kualiti tahun 2542/1999*. Dimuat turun pada 20 April 2001 daripada <http://www.onesqa.or.co.th>.
- Jabatan Timbalan Hal-Ehwal Universiti. (1998). *Garis panduan jaminan kualiti untuk pendidikan tertiar*. Bangkok: Cetakan Chulalongkorn University.
- Jabatan Jawatankuasa Pendidikan Swasta, Bahagian Polisi dan Pelan. (1999). *Kajian status pengurusan pendidikan di sekolah wakaf dan sekolah agama Islam swasta masjid dan kebajikan tahun 1996*. Bangkok: JJPS.
- Jirasak Thong-on. (1998). *The mental health of the mathayomsuksa 3 students in educational expansion occasion schools under the office of the primary education in Kamphaengphet*. Tesis M. A. tidak diterbitkan, Nareasuan University
- Latta, R. F., & Downey, C. J. (1994). *Tools for achieving Total Quality Education*. Thousand Oaks, CA: Corwin.
- Lewis, R. G., & Smith, D.H.(1994). *Total quality in higher education*. Delray, FL: St. Lucie.
- Liston, C.(1999). *Managing quality and standards*. Buckingham: Open University Press.
- Manoon Daramit. (1982). *Pentadbiran tugas akademik di sekolah agama Islam rakyat daerah pendidikan 2*. Tesis M. A. tidak diterbitkan, Srinakharinwirot University, Baan Sen.
- Nantatiya Sunsern. (1998). *Effects of critical thinking teaching model in developing critical thinking*. Tesis M. A. tidak diterbitkan, Burapa University, Chiang Mai.
- Nicholls, J. (1993). Customer value in four steps. *TQM Magazine*, 5,2,49-53.
- Niramon Pongsettasunt. (1999). *A comparative study on critical thinking of the upper secondary school students in Khon Kaen Municipality*. Tesis M. A. Khonkaen University, Khonkaen.
- Oakland, J. S. (1996). *Pengurusan kualiti menyeluruh* (Terjemahan Mohamad Salmi Mohd. Sohod). Kuala Lumpur: DBP. (Cetakan asal tahun 1989).
- Panudda Dorkintr. (2001). *Mental health and study behavior of lower secondary school students at Suksasongkhro Chiang Mai school*. [Laporan Kajian]. Chiang Mai University.
- Panee Chachkaan.(1989). *Kajian ten tang masalah pengajaran mata pelajaran matematik di peringkat sekolah menengah rendah di empat wilayah di Selatan Thailand*. [Laporan Kajian Fakulti Pendidikan.] Pattani: Prince of Songkhla University.

- Pitsamai Wangmuan. (1999). *The relationship between factors affecting self-care practice of the lower secondary school students under the jurisdiction of the department of general education*. Tesis M. A. tidak diterbitkan, Khonkaen University, Khon Kaen.
- Prayong Khumprakhon. (1999). *The relationship between satisfaction of physical education class instructional programs and intraschool athletic program of lower secondary education students under the jurisdiction of the general education department Nakhonratchasima Province*. Tesis M. A. tidak diterbitkan, Khonkaen University, Khonkaen.
- Rapin Krammee. (2001). *A study of mathayom sukka I students' achievement and analytical reasoning ability in social studies through constructivism and problem solving method*. Tesis M. A. tidak diterbitkan, Srinakharinwirot University, Bangkok.
- Sallis, E. (1993). *Total quality management in education*. London: Kogan Page/Stylus.
- Secretariat of ISO/TC 176/SC 2 (2001). *ISO 9000 introduction and support package*. Dimuat turon pada 17 September 2002 daripada <http://isotc176sc2.elysium-ltd.net/>
- Sufean Russin. (2002). Model Pengajaran-pembelajaran berkesan. *Kertas kerja seminar kebangsaan pengajaran-pembelajaran sains sosialfakualti pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sufean Russin. (2002). *Inovasi dasar pendidikan: Perspektif sistem dan organisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sumchai Phutabincapoch. (1985). *Kajian hasil galakan membaca dan kekerapan menggunakan perpustakaan di peringkat sekolah menengah 3*. Tesis M. A. tidak diterbitkan, Srinakharinwirot University, Bangkok
- Ubunrat, S., & Noree, C. (1988). *Kajian mengenai pengajaran mata pelajaran matematik di peringkat sekolah menengah rendah di sempadan Selatan Thailand*. [Laporan Kajian]. Pattani: Prince of Songkhla University.
- Thailand, Office of Prime Minister, Office of The National Education Commission. (2001). *National Educational Act of B. E 2542 (1999)*. Dimuat turon pada 20 April 2001 daripada <http://www.onec.go.th/Act5/englishlcover.htm>.
- Thailand, Kementerian Pendidikan. (1996). *Surat pekeliling bilangan st1007/11609. Perkara: Subsidi kepada pelajar dalam bentuk kupon yuran pengajian (100%)*, 13 Ogos 1996.
- Thailand, Kementerian Pendidikan. (2002). *Peraturan kementerian pendidikan tentang pemberian subsidi berbentuk wang mengikut jumlah pelajar di peringkat pendidikan asas bagi pelajar sekolah swasta*.